

## UMP Tuan Rumah Pertandingan Debat Diraja Antara IPT

Kuantan, 12 Mei- Pasukan debat Universiti Malaya (UM) mengekalkan kejaguan mereka apabila menjuarai kategori Bahasa Melayu Utama dalam Pertandingan Debat Diraja 2015. UM yang dibarisi Kiahatina Othman, Ahmad Azri Abdullah dan Adam Daniel Go. Mereka merupakan penuntut jurusan undang-undang menewaskan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP baru-baru ini.





Dalam pertandingan akhir itu, UM yang bertindak sebagai barisan pembangkang dalam debat bertajuk 'Kuasa Sebenar Barat' adalah Media turut menyapu gelaran Pendebat Terbaik menerusi pendebat ketiganya Adam Daniel Goh.

Majlis menyempurnakan pengurnian hadiah telah disempurnakan oleh adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Yang Mulia Lt. Kol. Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al Haj Ibnu Almarhum Sultan Sir Abu Bakar. Hadir sama, Yang Mulia Tengku Dato'Nor Asikin Almarhum Sultan Sir Abu Bakar.

Turut hadir dalam majlis penutup, Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mizan Hitam, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP, Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar UMP, Abd Rahman Safie.

Menurut Naib Canselor UMP, Daing Nasir berkata, UMP amat berbesar hati diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah dalam penganjuran Pertandingan Debat Diraja Antara IPT pada tahun ini melangkaui 20 tahun penganjurannya.



"Pada hari ini seramai 552 pendebat dari 138 pasukan yang mewakili 23 Universiti Awam seluruh Malaysia ke UMP bagi berentap dalam pertandingan ini. Gelanggang debat di kampus dapat dikembangkan lebih jauh lagi, bukan sekadar untuk dipertandingkan."

"Pertandingan sebegini sewajarnya berupaya menampilkan aspek keserjanaan pengisian(substance), jauh mengatasi aspek bentuk atau upacara semata. Keserjanaan pengisian menuntut para pendebat untuk berani mengemukakan hujah yang bernas berdasarkan fakta yang jelas," katanya



Manakala bagi kategori Bahasa Inggeris Utama pula johan telah dimenangi oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan naib johan telah dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA (UITM).

Pertandingan Debat Diraja ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu kategori Bahasa Melayu Utama, Bahasa Inggeris Utama, Bahasa Melayu Muda dan Bahasa Inggeris Muda. Hadaiah bagi pemenang kategori Utama dan Muda yang meraih johan membawa pulang trofi dan wang tunai sebanyak RM 5000 manakala naib johan membawa pulang RM 3000. Bagi Pendebat Terbaik pula membawa pulang RM 500 bagi setiap kategori.

Lebih 2000 orang hadir termasuk menyaksikan debat akhir yang berlangsung dalam suasana yang cukup meriah dengan sorakan daripada penyokong pihak yang bertaruh untuk merebut kejuaraan.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-05-2015, 09:25:11